

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.04.2015

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan projek-projek berskala besar yang diberi secara rundingan terus tanpa tender terbuka yang nilainya melebihi RM 500 juta dari tahun 2006 hingga 2015? Apakah kos asal, kos *variation order* (VO) dan tarikh persiapan akhir tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua perolehan Kerajaan dilaksanakan melalui tender terbuka selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan daya saing dan bina upaya syarikat tempatan

disamping meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan. Perolehan secara rundingan terus hanya dipertimbangkan sekiranya memenuhi kriteria tertentu dengan kelulusan khas Kementerian Kewangan berdasarkan justifikasi dan perakuan daripada Pegawai Pengawal seperti berikut:-

- a. melibatkan keselamatan dan strategik;
- b. keperluan mendesak;
- c. bagi maksud penyeragaman;
- d. satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/pembekal tunggal);
- e. kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera;
- f. projek yang memerlukan kepakaran yang khusus dan melibatkan teknologi tinggi terutama sekali bagi projek-projek yang kompleks.

2. Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap ketelusan dan tadbir urus dalam perolehan Kerajaan, senarai nama syarikat, nilai kontrak dan bidang kerja/projek adalah disiarkan untuk pengetahuan umum dan boleh diakses melalui Portal MyPROCUREMENT seperti berikut:
<http://myprocurement.treasury.gov.my>.